

Kanak-kanak dan Remaja Perlu Dididik Berhubung Jenayah Siber, Kata Rosmah Bernama
Jun 8, 2014

PUTRAJAYA, 8 Jun (Bernama)-- Kanak-kanak dan remaja perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan mengenai jenayah siber yang semakin berleluasa, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata golongan berkenaan perlu dididik agar bijak melayari internet bagi memastikan ianya tidak mendatangkan impak negatif terhadap diri mereka, keluarga dan negara.

Dengan 17.5 juta pengguna internet di negara ini, katanya masalah kejahatan sosial juga banyak berlaku ekoran dari penggunaan internet yang tidak bertanggungjawab.

"Pada masa kini pelbagai kes yang melibatkan alam siber dalam kalangan pengguna media sosial telah dilaporkan.

Justeru saya berharap anak-anak berfikir dahulu dengan rasional dan bukannya mengikut emosi ketika melayari internet bagi memastikan tindakan kita tidak memberi impak negatif kepada diri sendiri dan juga negara," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Pandu Puteri dan Pandu Puteri Turun Padang Putrajaya, di sini Ahad.

Sehubungan dengan itu, Rosmah yang juga Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia meminta program seperti "safe on the net" yang memberi fokus kepada pendidikan alam siber melibatkan murid sekolah diperluaskan lagi.

Katanya program itu yang dijalankan Pandu Puteri Cawangan Putrajaya sejak Oktober lepas turut mendapat kerjasama penuh daripada Cybersecurity Malaysia, iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

"Seramai 40 pemimpin Pandu Puteri Cawangan Putrajaya telah dipilih menjadi Duta Kecil Cybersafe untuk mengendali ancaman siber agar menjadi pengguna siber yang bertanggungjawab.

Harapan saya ialah persatuan itu terus merancang dan melaksanakan program itu secara berterusan bagi mendedahkan ahli-ahli Pandu Puteri di seluruh Malaysia

dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan agar mereka dapat menyampaikan ilmu tersebut kepada seluruh masyarakat," katanya.

Terdahulu beliau turut menyaksikan perbarisan pasukan Pandu Puteri mewakili seluruh negeri, dengan penyertaan lebih 650 peserta.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Raja Puan Muda Perak yang juga Timbalan yang DiPertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah dan Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia Normala Baharudin.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1044434>